

TRANSLITERASI MANUSKRIP MELAYU

DUR AL-NAFIS

(MSS 2488)



DISEDIAKAN OLEH:

**FAIRUZAH BT. BASRI
NAFISIAH ABDUL RAHMAN
PROF. MADYA MUSA HJ. AHMAD**

MEI 2008

PENGHARGAAN

Segala puji kepada Allah *Subhāna wa ta'ālā* dan junjungan besar Nabi Muhammad *Ṣalla 'Llāh 'alayh wa sallam*, semua ahli keluarga dan para sahabat baginda. Berkat daripada bantuan, hidayah dan semangat yang telah diberikan oleh Allah *Subhāna wa ta'ālā*, penyelidikan ini dapat disempurnakan.

Rakaman penghargaan ditujukan kepada Pengarah Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) yang telah memberi sokongan dalam menjayakan penyelidikan ini. Penghargaan ini juga ditujukan kepada Institut Perundingan, Pembangunan dan Pengkomersilan (IRDC), UiTM yang telah menerima kajian naskhah sebagai satu bentuk penyelidikan. Rakaman penghargaan juga ditujukan kepada Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia kerana telah bersedia mengadakan hubungan kajian naskhah dengan Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, UiTM. Justru itu, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam telah mendapat salinan naskhah manuskrip yang amat berguna untuk kajian ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Koordinator Unit Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan (URDC), CITU dan semua sahabat di Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam yang banyak memberi kerjasama dalam menyempurnakan kajian ini.

Semoga semua bantuan, sokongan dan jasa baik diterima oleh Allah *Subhāna wa ta'ālā* sebagai satu amal yang akan berkekalan hingga ke alam kehidupan yang kedua. *Āmīn Yā Rabb al-'ālamīn*.

ABSTRAK

Penyelidikan ini merupakan kajian teks dan transliterasi naskhah MSS 2488 yang didapatkan dari Pusat Manuskrip Melayu (PMM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Naskhah ini merupakan koleksi beberapa kitab dan risalah yang telah disalin oleh penyalin naskhah. Terdapat 8 judul karya dalam naskhah ini yang ditulis oleh pengarang asal yang berbeza. Namun, kelapan-lapan judul karya yang dikumpulkan oleh penyalin dalam satu naskhah ini mengandungi aspek perbincangan yang sama, iaitu aspek tasawuf falsafah yang berkait rapat dengan akidah umat Islam, iaitu tauhid. Oleh kerana kitab pertama yang terkandung pada naskhah MSS 2488 ini ialah kitab *Dur al-Nafis*, maka PMM, PNM telah menamakan naskhah ini sebagai *Dur al-Nafis*. Pengarang asal kitab *Dur al-Nafis* ialah Muhamad Nafis al-Banjari yang merupakan seorang ulama Melayu yang terkenal berasal dari Banjarmasin, Kalimantan Selatan, Indonesia. Kitab ini dan risalah lain yang terkandung dalam naskhah MSS 2488 ini membicarakan aspek tasawuf falsafah secara terperinci. Selain dari perbincangan teks naskhah, penyelidikan ini juga melibatkan aspek estetika pada naskhah khususnya penggunaan iluminasi pada setiap akhir satu kitab atau risalah. Iluminasi yang dilakarkan oleh penyalin memberi satu identiti tersendiri pada naskhah ini dari naskhah asal setiap satu judul kitab atau naskhah salinan lain yang mempunyai judul yang sama tetapi penyalin yang berbeza. Justeru itu, naskhah ini merupakan karya penyalin yang mempunyai satu wajah baru.

KANDUNGAN

	HALAMAN
DEKLARASI	i
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
PEDOMAN TRANSLITERASI	iv
SENARAI TERMA / ISTILAH	v
ABSTRAK	vi
BAB 1	
Pengenalan Kajian	1
BAB 2	
Pengenalan Naskhah, Pengarang dan Penyalin	
2.1 Pengenalan Naskhah	5
2.2 Seni Hias Naskhah	10
2.3 Pengenalan Penyalin	14
2.4 Pengarang <i>Dūr al-Nafīs</i>	16
2.5 Pengarang <i>Ḥill al-Zill</i>	19
BAB 3	
Transliterasi Naskhah	
3.1 Kitab <i>Dūr al-Nafīs</i>	22
3.2 Kitab <i>Iktikad Yang Salah Pada Ahli Sunnah wa al-Jamaah</i>	93
3.3 Kitab <i>A'yan Thābitah</i>	97
3.4 <i>Sharab al-Muntahā</i>	112
3.5 Kitab <i>Bayan al-Alif wa Huruf Hijaiyah</i>	122
3.6 Risalah <i>Iktikad Yang Menjadi Kafir</i>	134
3.7 <i>Ḥill al-Zill</i>	139
3.8 Risalah <i>Hashīyah Tujuh Martabat</i>	149
BAB 4	
Rumusan	155
Rujukan	158
Lampiran 1: Naskhah Halaman Hadapan	160
Lampiran 2: Naskhah Halaman Akhir	161

BAB 1

Pengenalan Kajian

1.1 Pendahuluan

Manuskrip atau naskhah Melayu merupakan satu penulisan bangsa Melayu sejak bermula Tamadun Melayu yang muncul seiring dengan penerimaan agama Islam oleh masyarakat Melayu. Pengarang-pengarang naskhah Melayu yang boleh dikatakan golongan intelek Melayu telah menulis pelbagai aspek mengenai masyarakat Melayu. Penemuan naskhah Melayu yang masih kekal dalam tulisan asal iaitu tulisan Jawi menggunakan tulisan tangan menunjukkan masyarakat Melayu mampu menghasilkan naskhah perubatan yang berasaskan sumber alam, ketatanegaraan, undang-undang, pengetahuan agama Islam, sejarah bangsa Melayu dan perdagangan (ekonomi).

1.2 Kenyataan Masalah

Pada masa kini, naskhah Melayu lebih merupakan satu warisan budaya yang hanya mengisi muzium, arkib dan perpustakaan. Warisan ini tidak memainkan peranan, malah tidak memberi kesan sedikit pun kepada perkembangan kemasyarakatan. Naskhah ini sudah terlepas dari pakaian masyarakat Melayu dan terpinggir dari kehidupan. Situasi ini berbeza dengan hasil-hasil kajian yang telah dijalankan oleh cendekiawan Barat dan Timur yang menegaskan bahawa naskhah Melayu merupakan cermin rumpun Melayu. Dengan kata lain, jika ingin mengenali Melayu cari dan bacalah naskhah Melayu.

Hasil kajian telah membuktikan rumpun Melayu silam mempunyai ciri-ciri khusus yang dapat dilihat pada naskhah Melayu seperti bahasa, adat, pantang larang, tulisan, pemikiran, kepimpinan dan kepatuhan kepada peraturan atau sistem. Semua gambaran yang dipaparkan menunjukkan nilai jati diri bangsa yang berwawasan, berdaya saing, berfikiran terbuka, bekerja keras dan berpegang teguh pada agama. Naskhah Melayu menggambarkan masyarakat yang berilmu pengetahuan, berdasarkan kepada akidah dan kepercayaan.